

21 JUN 1999

Najib-Sekolah

KERTAS KERJA PENGAMBILALIHAN SEK AGAMA RAKYAT DIBENTANG KE KABINET

PETALING JAYA, 21 Jun (Bernama) -- Kementerian Pendidikan akan membentangkan kertas kerja kepada Kabinet tidak lama lagi bagi mengambil alih semua sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh negara.

Menteri berkenaan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara prinsip telah bersetuju dengan cadangan pengambilalihan sekolah-sekolah itu oleh kementerian.

"Kita melihat sekolah menengah agama rakyat ini begitu daif sekali, bukan sahaja kemudahannya tidak mencukupi tetapi juga daripada segi kualiti guru, kebanyakannya tiada kelulusan," katanya selepas melancarkan program "University On Air" Universiti Tun Abdul Razak (Unitar), di sini.

Guru-guru yang mengajar di sekolah agama ini, katanya, dibayar gaji yang rendah dan ini menjadi sebahagian alasan mengapa guru yang berwibawa enggan berkhidmat dengannya.

Beliau berkata kementerian juga telah berunding dengan Kementerian Kewangan berkenaan implikasi kewangan bagi pengambilalihan sekolah agama rakyat.

Selepas pengambil alihan itu, katanya, kementerian akan membekalkan sekolah tersebut dengan guru-guru yang terlatih manakala kurikulumnya pula akan selaras dengan kurikulum kebangsaan.

"Mereka akan mengikuti kurikulum nasional dan di samping itu mereka (pelajar) akan mendapat pengajian agama yang diminati oleh ibu-bapa mereka," kata Najib.

Beliau berkata kementerian mempunyai akta perundangan yang sesuai bagi mengambilalih sekolah agama rakyat di bawah Akta Pendidikan, yang melibatkan hak kementerian di dalam soal pendaftaran.

Mata pelajaran agama, katanya, akan menjadi pengajian tambahan kepada kurikulum kebangsaan selepas ini.

Ditanya bila pelaksanaannya, Najib berkata ia akan mengambil sedikit masa kerana ia melibatkan penjawatan tambahan selain peruntukan tambahan.

Pelajar-pelajar di sekolah agama rakyat juga dieksploitasi oleh parti pembangkang yang berkepentingan politik supaya membenci kerajaan dan pucuk pimpinannya, katanya.

"Bila kita (kementerian) seragamkan dan rangkumkan sekali di dalam sistem pendidikan, kita akan pastikan pelajar ini tidak akan dieksploitasikan oleh mana-mana pihak untuk tujuan politik sempit mereka," katanya.

Terdahulu, dalam ucapan perasmianya, Najib berkata Malaysia perlu mencapai tahap 40 peratus pendidikan tinggi rakyatnya untuk mencapai taraf negara maju, berbanding dengan 14 peratus pada masa kini.

Bagaimanapun, kadar 14 peratus itu tetap tertinggi di antara negara-negara membangun, katanya.

Najib berkata corak penyampaian ilmu pada masa kini tidak semestinya konvesyenal tetapi harus lebih inovatif dan kreatif bagi merealisasikan matlamat pendidikan seumur hidup.

Perkembangan yang pesat di dalam sektor pendidikan negara bukan boleh ditakrifkan sebagai hanya perubahan tetapi lebih tepat jika ia dirujuk sebagai satu revolusi pendidikan, katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Unitar Datuk Hassan Harun, Pengerusi Television Airtime Services Sdn Bhd Abdul Aziz Abas dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Unitar Datuk Dr Syed Othman Alhabshi.

-- BERNAMA

MHI NAK